

12 MAY 2001

Tokoh-Pekerja

TOKOH PEKERJA TAHUN INI DARIPADA SEKTOR K-EKONOMI

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Dua pekerja daripada sektor K-ekonomi diberi pengiktirafan sebagai Tokoh Pekerja tahun ini selaras dengan tema Hari Pekerja tahun ini iaitu K-Pekerja Pemangkin Kecemerlangan Negara.

Kenzer Tan Heck Wee, pengurus kualiti Infineon Technology Sdn Bhd dipilih sebagai Tokoh Pekerja lelaki manakala Rohana Abdul Rahman, ketua seksyen di sebuah syarikat pengeluar semikonduktor Elektrisola (Malaysia) Sdn. Bhd, pula terpilih sebagai Tokoh Pekerja wanita.

Mereka menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa majlis Sambutan Hari Pekerja 2001 di Stadium Putra, Bukit Jalil, hari ini

Tan, 40, yang berkelulusan ijazah Sains Komputer dan Kejuruteraan, daripada Universiti California juga merupakan rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai penilai bagi Yayasan Pengurusan Kualiti Eropah (EFQM) di Brussels, Belgium.

Sikap beliau yang sentiasa mengambil berat, bermotivasi tinggi serta berinovasi telah banyak membantu syarikatnya meraih kejayaan demi kejayaan dan antaranya ialah Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti dan Anugerah Produktiviti.

Pada majlis itu juga Infineon Technology, dari Batu Berendam, Melaka, turut diiktiraf dengan Anugerah Majikan Penjana K-Pekerja kerana usaha mereka memberi latihan dan kursus IT kepada 4,534 pekerjanya.

Rohana, 33, pula dipilih atas sumbangan ideanya untuk mempertingkatkan kecekapan dan menjimatkan kos operasi kilangnya, Elektrisola (Malaysia) Sdn. Bhd., di Janda Baik, Bentong, Pahang.

Rohana yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) antara lain memperkenalkan penggunaan etanol untuk menanggalkan gam yang sukar dibuang di permukaan dan sekeliling gelendong dan menukar label arahan di mesin pemotong `felt' daripada Bahasa Jerman ke Bahasa Malaysia yang memudahkan penggunaan mesin itu dan meningkatkan kecekapan syarikatnya.

Tidak ketinggalan juga syarikat semikonduktor ST Microelectronic Sdn Bhd dari Muar yang diiktiraf sebagai Majikan Prihatin kerana banyak menyediakan skim pembangunan pekerja di samping kemudahan-kemudahan seperti asrama, tadika, klinik dan perpustakaan.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn dalam ucapannya berkata tema K-Pekerja Pemangkin Kecemerlangan Negara dipilih kerana kerajaan merasakan hanya warga pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara pada masa hadapan.

Untuk menuju arah itu, negara memerlukan warga pekerja yang berpengetahuan luas, mempunyai kemahiran yang pelbagai, kreatif dan inovatif.

Sementara itu, kategori Anugerah Tokoh Pekerja Orang Kurang Upaya (Lelaki) diterima oleh Teo Kah Choon seorang kerani temu janji di Pusat Perubatan Subang Jaya dan Puan Batmavathi Krishnan seorang perpustakawan di Universiti Malaya.

Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh (Sektor Swasta) pula diberi kepada Kesatuan Pekerja-pekerja Hitachi Consumer Products (M) Sdn Bhd dan bagi sektor awam pula Kesatuan Guru-guru Sarawak pula dipilih.

Anugerah Majikan Prihatin kategori industri kecil dan sederhana pula diberikan kepada Dua-H Auto Sdn manakala Anugerah Ladang Bahagia diberikan kepada Ladang Batu Lintang di Serdang, Kedah.

-- BERNAMA  
YBK ZS PR